

Sukma berjaya pupuk perpaduan kaum

BH 15 SEP 2002

KOTA KINABALU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penganjuran Sukan Malaysia (Sukma) berjaya menepati hasrat kerajaan menjadikan ia sebagai wadah memupuk dan memperkukuhkan integrasi nasional khususnya membabitkan golongan remaja.

Perdana Menteri memberi contoh, penganjuran temasya edisi kesembilan itu yang berakhir di sini malam tadi, berjaya mempertemukan lebih ramai penduduk seluruh negara sekaligus mempertingkatkan kefahaman mereka meskipun Sabah berada agak jauh.

"Saya percaya ramai antara peserta dan pegawai yang menyertai Sukma kali ini, baru pertama kali datang melawat Sabah dan sudah pasti mereka kagum dan terharu dengan sambutan serta kemesraan penduduk Sabah. Apatah lagi dengan sorakan sekolah angkat atau bapa angkat serta pertolongan sukarelawan.

"Oleh sebab itu, Sukma yang diadakan setiap dua tahun sekali ini sangat menepati hasrat kerajaan sebagai wadah untuk memupuk dan memperkukuhkan integrasi nasional melalui sukan

terutamanya di kalangan remaja," katanya ketika berucap merasmikan penutupan Sukma IX di Stadium Likas, dekat sini, malam tadi.

Teks ucapannya disampaikan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein.

Temasya dwitahunan itu yang bermula sejak 5 September lalu berjaya menarik penyertaan kira-kira 10,000 atlit, pegawai sukan, sukarelawan dan wakil media seluruh negara serta Brunei dan Australia Utara.

Dr Mahathir berkata, Sukma bukan saja menjadi semakin besar dan sangat penting, malah ia juga sudah menjangkau usia kematangan.

Beliau mencadangkan supaya sebuah sekretariat tetap ditubuhkan bagi memantapkan pelaksanaan Sukma agar penilaian dapat dibuat bagi memperbaiki mutu penganjuran temasya itu pada masa depan.

"Sebagai temasya yang sembilan kali sudah dianjurkan, sudah tentu banyak perkara yang boleh diperbaiki dan dikemaskinikan bagi menentukan hasrat dan tujuan penganjurannya dapat dipenuhi. Insyallah, de-

ngan adanya sekretariat ini penganjuran Sukma akan datang bakal lebih cekap, berkos efektif dan gemilang," katanya.

Dr Mahathir memuji kerajaan Sabah atas kejayaannya menganjurkan Sukma edisi kesembilan ini dan berharap temasya seterusnya akan lebih berjaya.

"Sabah telah membuktikan dengan pengalaman dan ketekunan kita boleh berjaya. Sememangnya Sukma IX di Sabah ini adalah 'Gemilang di Alaf Baru,'" katanya.

Sementara itu, Selangor mengekalkan kejuaraan buat kali keempat berturut-turut selaku kontinjen terbaik, selepas mengumpulkan 654 mata hasil punggutan 55 emas, 40 perak dan 60 gangsa. Tempat kedua pula terus didominasi oleh kontinjen Sarawak dengan 537 mata (35-47-60) manakala ketiga, Perak dengan 526 mata (49-38-42).

Tuan rumah Sabah yang menasaskan 39 pingat emas unggul di tangga keempat dengan mengumpulkan 419 mata melalui 28 emas, 38 perak dan 46 gangsa. Sukma edisi kesepuluh akan diadakan di Negeri Sembilan pada 2004.